



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

---

## KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KERJA RAYA TERHADAP LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA – SIRI 1

Kementerian kerja raya ingin mengulas Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 1 – 2015. Terdapat lapan (8) laporan yang dibangkitkan berkaitan KKR dan Agensinya yang mana tiga (3) melibatkan tindakan punitif dan lima (5) korektif.

Bagi Projek Membina Jalan Baru Dari Lebuhraya Seremban – PD-FR5 di Pasir Panjang Dan Menaiktaraf FR5 Dari Pasir Panjang Ke Linggi, Negeri Sembilan, isu kerugian RM21.03 juta telah dibangkitkan. Kos ini merujuk kepada perbezaan antara kos penyiapan projek dengan harga kontrak pertama selepas pelarasan. Tidak wujud kerugian kepada Kerajaan kerana kos ini merupakan peningkatan kos projek bagi memastikan projek tersebut dapat disiapkan untuk kegunaan rakyat.

Projek ini telah diberi tempoh lanjutan masa (EOT) disebabkan oleh beberapa faktor seperti pengambilan tanah dan pengalihan utiliti. Walaubagaimanapun, prosedur pengeluaran EOT ini adalah teratur mengikut peraturan dan tatacara yang berkuatkuasa.

Kontraktor telah memfailkan saman terhadap kerajaan kerana penamatan yang tidak sah. Bagaimanapun, kerajaan bertindak balas untuk menyaman kontraktor, menuntut balik kerugian RM21.3 juta kerana terdapat perbezaan kos akibat penamatan kontrak.

Bagi Projek Pembinaan Hospital Tampin Baharu, Negeri Sembilan, kerja pembaikan telahpun dilaksanakan dalam tempoh tanggungan kecacatan dan Kontraktor telah dikenakan denda dan gantirugi ditetapkan RM3.84 juta di atas kelewatan tersebut oleh Pengarah Projek.

Manakala bagi isu pengurusan pembinaan rumah kekal mangsa banjir projek ini melibatkan pelbagai Agensi pelaksana. Berhubung isu kelewatan terdapat beberapa faktor seperti prosedur pengambilan tanah dari Kerajaan Negeri yang terlibat serta status pemilikan tanah ke atas penerima bantuan. Sebagai contoh hanya 10% mangsa banjir di Kelantan mempunyai tanah sendiri bergeran. Bakinya masih belum disahkan status hak milik. Proses pemberian geran juga mengambil masa. Selain itu, kekurangan akses dan infrastruktur, faktor cuaca dan kekurangan bahan binaan dalam pasaran juga turut dikenalpasti sebagai punca kelewatan.

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L : 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Bagi projek Rumah Kekal Banjir (RKB) di Negeri Kelantan, daripada 966 rumah yang dipertanggungjawabkan kepada KKR, 563 rumah telah siap di Jajahan Gua Musang, Machang dan Tanah Merah. Baki rumah kekal mangsa banjir yang belum disiapkan dijangka selesai pada bulan Jun 2016.

Selain daripada itu, kesemua lima laporan audit selain daripada isu di atas, dikategorikan dibawah tindakan penambahbaikan (corrective) dan telahpun selesai diambil tindakan pembetulan.

Kementerian memandang serius terhadap ketidakakuran yang dibangkitkan dalam LKAN dan sentiasa mengenalpasti kaedah terbaik serta mengambil tindakan sewajarnya menerusi penambahbaikan proses dan amalan kerja di Kementerian dan Agensi. Kementerian akan terus komited bagi memastikan pelaksanaan projek diurus selia dengan berhemah dan efisien.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**19 MEI 2016**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my